

09/08/2001

Dua pengarah baru akan sertai MRCB

DUA perunding perniagaan yang sebelum ini berkhidmat dengan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta), akan dilantik menganggotai barisan lembaga pengarah Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB).

Abdul Rahman Ahmad, 31 dan Shahril Ridza Ridzuan, 30, yang kedua-duanya lulusan Universiti Cambridge, England masing-masing dijangka dilantik sebagai Ketua Eksekutif dan Pengarah Eksekutif MRCB.

Pelantikan dua muka baru ke dalam barisan lembaga pengarah MRCB berkenaan dijangka disusuli langkah penyusunan semula kumpulan itu yang bertujuan memperkemas struktur dan operasinya.

Pelantikan Abdul Rahman dan Shahril Ridza mewakili kepentingan pihak yang belum dapat dipastikan setakat ini, tetapi mereka pernah berkhidmat dengan Danaharta kira-kira setahun setengah yang lalu.

Dengan pelantikan kedua-dua mereka, Presiden MRCB, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin dikatakan akan dilantik sebagai pengerusi kumpulan itu. Beliau memegang 25 peratus ekuiti MRCB menerusi Realmild Sdn Bhd (Realmild).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika diminta mengulas spekulasi pasaran yang mendakwa kemungkinan berlaku perubahan dalam kumpulan MRCB mengesahkan mengenainya.

"Akan berlaku beberapa perubahan kecil. Tidak banyak beza sebenarnya dan (Presiden MRCB), Datuk (Seri Abdul) Rahman Maidin akan menjadi Pengerusi MRCB.

"Bagaimanapun, oleh kerana beberapa masalah yang ada (di MRCB), hari ini kita memutuskan untuk melantik beberapa orang yang akan bertanggungjawab mengendalikan operasi syarikat itu," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian selepas memberi taklimat tertutup kepada pemimpin Umno mengenai cadangan sistem berasaskan prinsip merit untuk kemasukan ke universiti awam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.

MRCB ialah kumpulan yang terbabit dalam pelbagai kegiatan termasuk hartanah, penjana kuasa, infrastruktur, terminal pengangkutan, penerbitan media dan stesen televisyen swasta.

Ia memegang kepentingan utama dalam The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP), Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3) dan memiliki saham Commerce-Asset Holding Bhd (CAHB).

Sementara itu, TV3, dalam kenyataan yang diumumkan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), semalam mengumumkan peletakan jawatan Naib Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Mohd Ibrahim Mohd Nor.

Pelantikan dua muka baru ke dalam lembaga pengarah MRCB itu dikatakan bertujuan membantu usaha penyusunan semula kumpulan berkenaan serta mengatasi masalah beban kewangannya.

Pengalaman Abdul Rahman dan Shahril Ridza ketika berkhidmat dengan Danaharta dijangka dapat membantu usaha berkenaan. Bagaimanapun, kedua-duanya melepaskan jawatan di Danaharta untuk menubuhkan sebuah firma perunding perniagaan.

Penyusunan semula itu mungkin akan turut membabitkan beberapa syarikat anggota kumpulan MRCB dan peletakan jawatan Mohd Ibrahim dikatakan adalah sebagai permulaan kepadanya.

Sementara itu, di akhir dagangan di BSKL semalam, harga saham MRCB ditutup naik enam sen kepada RM1.43, NSTP diniagakan tidak berubah pada RM4 manakala saham TV3 naik 2.5 sen kepada 86.5 sen.

(END)